



Anwar ketika hadir pada Majlis Pelancaran Loji Jana Kuasa Solar Hibrid Cypark di Cypark Solar Merchang, semalam. (Foto BERNAMA)

Kerjasama penyelidikan universiti, swasta teroka bidang baharu

PM gesa fokus usaha kembang teknologi untuk manfaat rakyat

Oleh **Zatul Iffah Zolkipli**
dan **Nazdy Harun**
bhnews@bh.com.my

Marang: Datuk Seri Anwar Ibrahim menggesa institusi penyelidikan negara atau negeri supaya bekerjasama dengan universiti dan sektor swasta bagi meneroka serta memperkembang bidang baharu yang dapat dimanfaatkan rakyat.

Perdana Menteri berkata, kerjasama itu penting kerana Malaysia masih jauh ketinggalan dalam bidang penyelidikan berbanding negara lain seperti Brazil, India, China, Turkiye dan Emiriah Arab Bersatu (UAE) yang lebih maju dan memberi tumpuan dalam bidang baharu.

Memberi contoh Mohamed bin Zayed University of Artificial Intelligence di Abu Dhabi, beliau berkata universiti berkenaan memfokuskan kepada teknologi kecerdasan buatan (AI).

"Jadi kita mengambil pendekatan menyegerakan pelaksanaan Fakulti Kecerdasan Buatan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan rangkaannya dengan semua universiti yang mempunyai AI.

"Itu sebagai contoh bagaimana

harus ada usaha untuk menyegerakan penerokaan bidang baharu," katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Loji Jana Kuasa Solar Hibrid Cypark di Cypark Solar Merchang, di sini semalam.

Loji jana kuasa solar hibrid terbesar di Malaysia terdiri daripada 35MW solar terapung pada permukaan air dan 65MW solar yang dipasang di darat.

Projek dilaksanakan Cypark Resources Bhd (Cypark) itu dibangunkan mengikut kesesuaian persekitaran semula jadi Terengganu yang terdedah kepada banjir.

Yang hadir sama, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Datuk Seri Fadillah Yusof dan Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar.

Dalam pada itu, Anwar berkata bidang penyelidikan di negara ini perlu memastikan pelajar dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) turut dilatih dengan bidang baharu seperti tenaga solar.

Untuk itu, katanya Institusi Sains Negara akan dipastikan bekerjasama dengan universiti, profesor serta jabatan berkaitan, malah sektor swasta untuk tujuan itu.

"Kalau ada (institusi) TVET umpamanya di Merchang atau Marang atau yang berdekatan, saya syorkan harus ada kepakaran daripada Cypark untuk membantu melatih rakan-rakan TVET di Merchang (atau kawa-

san sekitar).

"Jadi itu keputusan yang akan dilaksanakan dalam tempoh dua minggu ini iaitu melihat apa institusi latihan yang ada dan kalau boleh kita putuskan jurutera atau kepakaran dalam bidang tenaga suria Cypark (datang) dua minggu sekali atau seminggu sekali atau mengambil alih satu kelas dan anak-anak yang dilatih akan dijamin untuk terus bekerja dengan Cypark," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata Cypark diarah memberi laporan ringkas mengenai perancangan syarikat itu untuk memastikan anak-anak muda di Terengganu mendapat latihan istimewa dalam bidang tenaga boleh diperbaharui.

Perdana Menteri turut memuji usaha Cypark dalam memajukan industri tenaga boleh diperbaharui khususnya tenaga solar di negara ini yang membawa manfaat dan kebaikan kepada rakyat.

Dana Terengganu meningkat

Dalam perkembangan berasingan, Anwar memaklumkan peruntukan pembangunan di Terengganu tahun ini meningkat kepada RM7.23 bilion berbanding RM5.99 bilion pada 2022 dan ia membabitkan projek negeri dan Persekutuan.

Ia katanya, sekali gus menunjukkan dakwaan kerajaan Persekutuan menyekat peruntukan untuk Terengganu tidak benar, malah tidak pernah meminggirkan kerajaan Terengganu walaupun berbeza fahaman politik.